

PERKEMBANGAN DASAR PENDIDIKAN DI TANAH MELAYU PASCA ZAMAN PENDUDUKAN JEPUN: LAPORAN BARNES, 1950

Ho Hui Ling*

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan dasar pendidikan oleh pihak pentadbiran British di Tanah Melayu pasca zaman pendudukan Jepun dengan tumpuan kepada pembentukan Jawatankuasa Barnes dan Laporan Barnes serta reaksi penduduk terhadap cadangan dalam Laporan Barnes. Melalui itu juga artikel ini cuba menilai tujuan British memberi perhatian terhadap dasar pendidikan di Tanah Melayu apabila mereka menguasai semulanya selepas zaman Jepun (1941-1945). Dalam perkembangan itu, pihak British juga sedar perlu menjaga kepentingan dan mengambil hati orang Melayu dalam memastikan mereka menyokong dan bekerjasama dengan pentadbiran. Justeru, pembangunan pendidikan untuk orang Melayu diberi perhatian dan dikaji semula oleh British. Untuk itu, Jawatankuasa Barnes dibentuk dan Laporan Barnes diterbitkan pada tahun 1950. Namun demikian, cadangan dalam Laporan Barnes menimbulkan bantahan daripada kaum bukan Melayu yang melihat Laporan itu boleh menghapuskan pendidikan, bahasa dan budaya mereka. Sebaliknya orang Melayu rata-rata menerima baik Laporan Barnes. Ekoran daripada itu, pihak kerajaan membentuk Jawatankuasa Fenn-Wu untuk meneliti pendidikan Cina dan orang India pula mewujudkan Jawatankuasa Pendidikan India. Namun begitu, jawatankuasa ini masih tidak dapat menyelesaikan pertikaian tentang kedudukan bahasa dan pendidikan pelbagai aliran. Bagaimanapun, menjelang kemerdekaan, Penyata Razak dikeluarkan dan Dasar Pelajaran 1957 diluluskan sebagai asas dalam pembentukan sistem pendidikan kebangsaan untuk Tanah Melayu. Perbincangan dalam artikel ini menunjukkan masalah politik terutama masalah komunis dan kepentingan Tanah Melayu kepada British telah mempengaruhi tindakan British untuk mengkaji semula aspek pendidikan di Tanah Melayu selepas perang. Pada masa yang sama, pendidikan juga dijadikan alat penting dalam mewujudkan integrasi kaum dan memupuk kesefahaman antara penduduk berbilang kaum. Keadaan ini adalah sangat penting dalam usaha kerajaan menangani

* Dr. Ho Hui Ling adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

ancaman komunis pada ketika itu kerana kerjasama penduduk berbilang kaum dapat membantu mengalahkan gerakan komunis.

Kata Kunci: Laporan Barnes, dasar pendidikan, sekolah kebangsaan, integrasi kaum, perpaduan nasional

Pengenalan

Masyarakat di Tanah Melayu dibentuk oleh penduduk berbilang kaum. Kerjasama dan kesefahaman antara penduduk berbilang kaum adalah penting dalam memastikan wujudnya kestabilan serta ketenteraman masyarakat. Dalam hal ini, pendidikan merupakan salah satu penggerak yang dapat merancakkan bukan sahaja integrasi kaum, malahan dapat memupuk kesefahaman, kesamaan, dan kerjasama kaum. Di Tanah Melayu, sebelum Perang Dunia Kedua, wujud empat sistem persekolahan atau aliran pendidikan yang berbeza melalui sekolah Inggeris, sekolah Melayu, sekolah Cina dan sekolah Tamil. Sekolah Melayu, sekolah Cina dan sekolah Tamil berkembang mengikut keperluan masyarakat dan keadaan semasa pada ketika itu. Sekolah Inggeris pula disediakan oleh golongan mubaligh yang giat menyebarkan ajaran keagamaan mereka di negeri-negeri Melayu. Implikasi daripada pendidikan yang diwujudkan pada zaman penjajahan British ini menyebabkan lahirnya sistem persekolahan yang berbeza antara kaum dan juga tidak wujud satu dasar pendidikan di Tanah Melayu. Sekolah yang berasingan tidak memberikan pengalaman yang serupa kepada kanak-kanak di Tanah Melayu. Mereka yang hadir di sekolah vernakular disosialisasikan dalam kalangan kaum masing-masing. Keadaan ini tidak memungkinkan wujudnya kesedaran kebangsaan dalam kalangan penduduk untuk ke arah pembentukan sebuah bangsa yang bersatu dalam sebuah negara. Keadaan pendidikan di Tanah Melayu seterusnya dicorakkan oleh zaman pendudukan Jepun (1941-1945). Pada zaman pendudukan Jepun, empat aliran persekolahan yang wujud pada zaman penjajahan British terhenti fungsinya. Sekolah Inggeris, Melayu, Cina dan India ditutup pada awalnya. Walaupun kemudian terdapat sebilangan sekolah itu dibuka semula tetapi digunakan untuk mengajar bahasa dan pengajian Jepun. Dalam kata lain, sekolah yang wujud dalam tempoh itu terbatas kepada unsur pelajaran yang berasaskan bahasa Jepun dan nilai keJepunan sahaja. Bagaimanapun, berlaku perubahan sistem pendidikan di Tanah Melayu oleh pihak pentadbiran British selaras dengan keadaan politik semasa selepas zaman pendudukan Jepun. Keadaan ini dapat dilihat melalui perkembangan dasar pendidikan yang semakin mendekati kehendak dan hasrat pemimpin serta penduduk Tanah Melayu menjelang kemerdekaan.

Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan dasar pendidikan oleh pihak pentadbiran British di Tanah Melayu pasca zaman pendudukan Jepun dengan tumpuan kepada pembentukan Jawatankuasa Barnes dan Laporan Barnes serta reaksi penduduk terhadap cadangan dalam Laporan Barnes. Seterusnya, implikasi daripada Laporan Barnes terhadap perkembangan dasar pendidikan di Tanah Melayu turut dikaji. Melalui itu juga artikel ini cuba menilai tujuan British memberi perhatian terhadap dasar pendidikan di Tanah Melayu selepas mereka menguasai semulanya selepas zaman pendudukan Jepun.

Perkembangan Pendidikan Pasca Zaman Pendudukan Jepun

Apabila British kembali ke Tanah Melayu selepas zaman Jepun, usaha dijalankan untuk menyusun semula sistem pendidikan negara ini. Keadaan ini membawa kepada Rancangan Cheeseman yang diperkenalkan di bawah H.R. Cheeseman, dalam *Federal Council Paper No. 53 of 1946 (Malayan Union)*.¹ Usaha ini merupakan percubaan pertama dalam penyusunan semula dasar pendidikan di bawah pentadbiran *Malayan Union*. Rancangan Cheeseman diluluskan sebagai dasar pendidikan bagi penduduk Tanah Melayu dengan matlamat yang dinyatakan seperti berikut:

*The short term objective of the postwar educational reconstruction was to restore schools as quickly as possible to their former condition and to make provision for all who were deprived of education owing to the war. The long term objective is to reconstruct the educational system so as to ensure the fullest educational development for every sector of the community.*²

Di bawah Rancangan Cheeseman, pelajaran rendah disediakan secara percuma kepada kanak-kanak dari semua kaum dengan menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Menurut Rancangan ini, Bahasa Inggeris boleh diajar di sekolah yang bahasa pengantarnya bukan bahasa Inggeris.³ Dengan itu, sebenarnya tidak banyak perubahan yang berlaku dalam sistem pendidikan negara ini selepas Perang Dunia Kedua. Begitu juga tidak terdapat langkah baharu yang diambil oleh pihak pentadbiran untuk memperbaiki hubungan antara kaum di Tanah Melayu. Sebaliknya, British masih mahu mempertahankan kedudukan asalnya dimana pendidikan mengikut perkauman dengan menggunakan bahasa ibunda masing-masing diteruskan. Namun demikian, dari sudut pandangan yang lain, Rancangan Cheeseman dapat memperlihatkan kerajaan mula menerima tanggungjawabnya untuk menyediakan pelajaran peringkat rendah secara percuma melalui bahasa ibunda kaum masing-masing kepada penduduk Tanah Melayu. Tidak dapat dinafikan ini merupakan satu perubahan penting dalam perkembangan pendidikan di Tanah Melayu selepas perang yang mana British bersetuju untuk memikul tanggungjawab dalam penyediaan pendidikan rendah secara percuma kepada semua kaum di Tanah Melayu.

- 1 Chai Hon-Chan, *Education and Nation-building in Plural Societies: The West Malaysian Experience*, Development Studies Centre Monograph No. 6, Canberra: The Australian National University, 1977, hlm. 18. Lihat juga Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm. 47; Paul Chang Ming Phang, *Educational Development in a Plural Society: A Malaysian Case Study*, Singapore: Academia Publicatiuons, 1973, hlm. 40.
- 2 H.R. Cheeseman, "Malaya", dalam *Year Book of Education, 1949*, London: Evan Brother, 1950, hlm. 546. Lihat juga Ibrahim Saad, *Pendidikan dan Politik di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977, hlm. 41; Mok Soon Sang & Lee Shok Mee, *Pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., 1988, hlm. 40.
- 3 Education in The Federation of Malaya, A Working Paper For The Report of The Mission to Malaya, July 1954, CO1030/52, Appendix A, Educational Development, Federation of Malaya; Abstract of a Statement by Mr. R. Holgate, Director of Education, Federation of Malaya on Education in Malaya, CO717/190, Education, Barnes Report. Rujuk juga Draft Outline of Note on The Federation of Malaya and Singapore, CO825/51, Far Eastern Official Committee Working Party in S.E.A.

Bagaimanapun, berikutnya dengan pembubaran rancangan *Malayan Union* dan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada Februari 1948, dasar pendidikan di Tanah Melayu perlu dikaji semula dalam suasana politik yang baharu. Seterusnya soal tentang pendidikan semakin diberi penekanan oleh pihak kerajaan dan pemimpin tempatan apabila Tanah Melayu memasuki zaman darurat (1948-1960) disebabkan ancaman komunis. Zaman ini memperlihatkan beberapa ciri penting dalam perkembangan pendidikan di Tanah Melayu selaras dengan suasana darurat yang wujud. Masalah komunis inilah menjadi pendorong utama kepada pentadbiran British untuk melihat semula soal pendidikan bagi penduduk di tanah jajahannya. Justeru, selepas British kembali menjajah Tanah Melayu, perubahan yang jelas adalah usaha untuk membentuk satu dasar pendidikan yang dapat menyatupadukan semua kaum di Tanah Melayu. Ini kerana kerajaan sedar pendidikan adalah penting dalam melahirkan penduduk yang boleh membuat penilaian yang munasabah dan menjauhkan diri mereka daripada tipu muslihat komunis. Kepentingan pendidikan kepada penduduk Tanah Melayu dapat dilihat melalui kata-kata Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu, Sir Henry Gurney:

When people are educated you can only fool some of them for some of the time. When people can read and write, when they thus develop confidence, when they start to think for themselves, when they stop being once called mental slaves as distinct from economic slaves, they-the people-begin to sort out for themselves what is social justice, what is Communism and what is humbug.⁴

Pada zaman darurat, Parti Komunis Malaya (PKM) telah berusaha mempengaruhi semua kaum di Tanah Melayu seboleh yang mungkin supaya menyokong perjuangan komunis di negeri-negeri Melayu. Walaupun kebanyakannya daripada mereka yang terlibat dalam gerakan komunis adalah orang Cina, namun PKM juga cuba memperoleh sokongan daripada orang Melayu. Ini kerana PKM sedar bahawa orang Melayu adalah penduduk majoriti dalam masyarakat dan tanpa kerjasama daripada mereka, gerakan komunis adalah sukar untuk diteruskan di Tanah Melayu. Komunis telah melakukan pelbagai kegiatan yang mengancam ketenteraman awam dan keamanan serta keselamatan negara. Komunis melancarkan serangan, sabotaj, dan pembunuhan terhadap orang awam pelbagai kaum, peladang dan pelombong serta anggota keselamatan dalam rancangan PKM untuk menguasai negara ini. Kegiatan PKM ini bukan sahaja mengganggu kehidupan penduduk, tetapi juga menjelaskan kestabilan ekonomi dan pentadbiran British di Tanah Melayu.⁵ Ancaman komunis pada zaman darurat menyebabkan pihak British memberi perhatian untuk menimbang semula keadaan di Tanah Melayu dan menyusun langkah bagi mengawal permasalahan komunis pada zaman darurat. Ini termasuklah aspek pendidikan selain pelbagai langkah dijalankan untuk mengawal gerakan komunis daripada terus berkembang di negeri-negeri Melayu.⁶

4 Straits Echo & Times of Malaya, 20 June 1950, hlm. 6.

5 Maklumat lanjut tentang gerakan komunis di Tanah Melayu pada zaman darurat, rujuk Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004, Bab 2 dan 3.

6 Keterangan lanjut tentang langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan dalam membanteras gerakan komunis, rujuk Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2010.

Ini memandangkan pada ketika itu, British sedar bahawa sekolah menjadi ‘medan’ yang sangat penting dalam memenangi kesetiaan pemuda-pemudi di Tanah Melayu, terutamanya orang Cina daripada terpengaruh dengan gerakan komunis. Kerajaan mula mengambil alih pengurusan sekolah dan membayai semua jenis sekolah supaya dapat meletakkan kawalan kerajaan ke atas guru dan kurikulumnya. Kerajaan juga bertindak menutup sekolah Cina khususnya yang didapati menjalin hubungan dengan komunis. Di Tanah Melayu sehingga November 1949, terdapat 576,000 orang kanak-kanak yang hadir di semua jenis sekolah. Namun angka ini hanya mewakili satu pertiga daripada kanak-kanak berumur enam hingga 12 tahun (umur persekolahan sekolah rendah). Ini bermakna masih terdapat ramai kanak-kanak dalam lingkungan umur persekolahan itu tidak bersekolah. Memandangkan itu, Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Henry Gurney mencadangkan supaya disediakan pendidikan percuma untuk semua kanak-kanak dalam lingkungan umur enam hingga 12 tahun. Beliau juga bersetuju bahawa semua sekolah bantuan kerajaan diwajibkan mengajar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.⁷ Hal ini diluluskan dan ditetapkan dalam Majlis Perundangan Persekutuan pada November 1949. Walaupun bilangan kanak-kanak dari semua bangsa yang belajar kedua-dua bahasa ini tidak dapat diperoleh, tetapi berdasarkan laporan dari negeri-negeri Melayu menunjukkan bahawa idea tersebut diterima baik dan kanak-kanak bersedia untuk belajar dua bahasa tersebut dalam sekolah percuma yang disediakan oleh pihak kerajaan.⁸ Ini menunjukkan tidak ada bantahan yang jelas terhadap cadangan Sir Henry Gurney kerana kaum bukan Melayu tidak melihatnya adalah ancaman kepada kedudukan sekolah dan bahasa mereka. Sekolah vernakular boleh diteruskan dengan bahasa pengantar asal, malahan kanak-kanak turut boleh belajar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Bahasa Melayu adalah bahasa penduduk majoriti di Tanah Melayu dan Bahasa Inggeris pula bahasa penting dalam urusan perdagangan.

Seterusnya pada 9 Februari 1950, Ordinan Pendaftaran Sekolah diluluskan dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Di bawah Ordinan ini, semua sekolah perlu berdaftar dengan pihak kerajaan. Pengurus dan guru sekolah yang tidak berdaftar adalah suatu kesalahan. Tujuan Ordinan ini diperkenalkan supaya kerajaan dapat mengawal aktiviti sekolah, guru dan pelajar serta memastikan mereka mematuhi undang-undang kerajaan.⁹ Pada 12 Februari 1951 pula, kerajaan mengeluarkan peraturan yang menetapkan setiap kelas hanya dihadkan kepada 40 orang pelajar. Tujuannya untuk mengelakkan kesesakan dan mewujudkan suasana yang sesuai untuk belajar. Peraturan ini juga bertujuan untuk menjaga kebijakan pelajar dan memelihara kebersihan dalam kelas serta persekitaran sekolah. Begitu juga, di bawah peraturan ini, pemeriksaan kesihatan pelajar dan guru dilakukan dari semasa ke semasa. Selain itu, peraturan

7 *Malayan Bulletin*, 25th November 1949, CO717/184, Association of British Malaya Monthly Bulletin. Lihat juga Chinese Schools in Malaya, Memorandum From The Member For Education, CO1030/49, Federation of Malaya Education Development.

8 P.R. 1/51/7, Federation of Malaya Weekly News Summary, 9th February 1951, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PUB/231/51, Federation of Malaya Weekly News Summary.

9 Legal Report By The Attorney-General, The Registration of Schools Ordinance, 1950, CO717/189, Ordinances Registration of Schools. Lihat juga An Ordinance to Provide For The Registration of Schools, and of Their Managers and Teachers, CO717/189, Ordinances Registrations of Schools; Some Notes on Chinese Vernacular Schools, Pejabat Pelajaran Melaka, E.O.M. 204/1951, Supervision, Control and Inspection of Chinese Vernacular Schools. Ordinan ini turut dinyatakan dalam *Selangor Government Gazette*, Vol. III, No. 161, 8 August 1950, hlm. 180.

ini juga menggariskan bahawa tiada sekolah dibenarkan untuk tujuan propaganda politik.¹⁰ Peraturan ini turut menunjukkan pihak kerajaan sedar tentang kepentingan membentuk minda dan sahsiah seseorang kanak-kanak. Dengan peraturan ini, semakin kuatlah kawalan pihak kerajaan ke atas sekolah di Tanah Melayu. Lebih-lebih lagi pada ketika itu, sekolah Cina menjadi sasaran komunis untuk mereka memperoleh sokongan dari kalangan pelajar bagi membantu menggerakkan kegiatan komunis. Justeru, kawalan kerajaan terhadap sekolah khasnya sekolah Cina adalah amat penting.

Melihat kepada keadaan pada zaman darurat itu, kerajaan menyedari perlu diwujudkan satu sistem pendidikan yang dapat memupuk semangat perpaduan dan kerjasama dalam kalangan penduduk. Pada masa yang sama, kerajaan merasakan perlunya kanak-kanak di Tanah Melayu dididik dengan ilmu pengetahuan yang boleh memupuk perasaan cinta dan taat setia terhadap tanah air. Dengan itu, juga dapat menimbulkan kesedaran penduduk tentang bahaya ancaman komunis supaya mereka menjauhkan diri daripada kegiatan komunis. Tidak dapat dinafikan peristiwa darurat merupakan faktor penting yang menyebabkan kerajaan menuahkan jawatankuasa untuk meneliti dan menggubal dasar pendidikan di Tanah Melayu. Selain itu, menurut pernyataan Pengarah Pendidikan Persekutuan Tanah Melayu, M.R. Holgate, keadaan di Tanah Melayu pada akhir tahun 1940-an dan 1950-an turut mendorong pihak pentadbiran British mengkaji semula kedudukan pendidikan di Tanah Melayu. Menurutnya lagi, pendidikan Melayu dan India bukan bertujuan untuk memajukan mereka ke depan, manakala sekolah Cina pula didapati semakin menyeleweng daripada aspirasi nasional.¹¹

Namun demikian, rancangan kerajaan itu bukanlah mudah untuk dilaksanakan. Ini memandangkan jawatankuasa yang diwujudkan untuk menggubal dasar pendidikan telah menimbulkan rasa tidak puas hati dan perbalahan dalam kalangan masyarakat pada awalnya kerana setiap kaum ingin mempertahankan bahasa dan budaya kaumnya di Tanah Melayu. Bagaimanapun, demi mencapai perpaduan dan kerjasama dalam kalangan penduduk, pelbagai dasar pendidikan telah dikemukakan pada ketika itu. Akhirnya, melalui usaha gigih pihak kerajaan dan komitmen serta tolak ansur antara semua kaum, satu dasar pendidikan yang dapat diterima dan dapat menjaga kepentingan semua kaum di Tanah Melayu berjaya diperkenalkan dan menjadi asas ke arah pembentukan dasar pendidikan kebangsaan apabila negara mencapai kemerdekaan. Lebih-lebih lagi penyatuan penduduk berbilang kaum adalah syarat yang diletakkan oleh pihak pentadbiran British untuk membolehkan Tanah Melayu diberi kerajaan sendiri dan kemerdekaan di samping keadaan darurat di negeri ini dapat dikawal dengan memuaskan. Dua syarat inilah, iaitu penyatuan kaum dan keadaan keamanan (disebabkan masalah komunis) dapat memuaskan hati pihak British sebelum Tanah Melayu boleh berkerajaan sendiri dan mencapai kemerdekaan.

10 D. INF. 1/51/8. Federation of Malaya Weekly News Summary, 16th February 1951, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PUB/231/51, Federation of Malaya Weekly News Summary. Lihat juga Registration of Schools Ordinance 1950, Schools (General) Regulations 1951, Supplementary Minimum Health Requirements (Approved By The Director of Medical Services), Daerah Mersing, D.O.MG. 162/1952, New Village Schools.

11 Abstract of a Statement by Mr. Holgate, Director of Education, Federation of Malaya on Education in Malaya, CO717/190, Education, Barnes Report.

Jawatankuasa Barnes dan Laporan Barnes

Selepas British mengukuhkan pentadbirannya di bawah Persekutuan Tanah Melayu, sebuah jawatankuasa dibentuk bagi menasihati kerajaan dalam melaksanakan dasar pendidikan di Tanah Melayu. Jawatankuasa ini ialah Jawatankuasa Penasihat Pusat (mengenai pendidikan) (*Central Advisory Committee/CAC*) yang dibentuk pada Oktober 1949. Tujuan utama pembentukan Jawatankuasa ini ialah mencari jalan supaya tercapai objektif utama dasar pendidikan, iaitu mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dalam kalangan penduduk Tanah Melayu yang berbilang kaum.¹² M.R. Holgate, dilantik menggantikan H.R. Cheeseman sebagai Pengarah Pendidikan bagi Persekutuan Tanah Melayu dan mengetuai CAC. Perjumpaan pertama CAC diadakan pada 13 Disember 1949 dan jawatankuasa kemudian menyiapkan laporannya. Dalam laporan, Jawatankuasa menyimpulkan bahawa sistem pendidikan yang patut diamalkan di Tanah Melayu adalah melalui penggunaan satu bahasa pengantar, dan budaya bangsa harus dipelihara.¹³ Dalam hal ini, Jawatankuasa berpendapat bahasa Inggeris harus digunakan dalam pendidikan memandangkan kebaikan-kebaikan yang dapat diperoleh. Ini juga kerana bahasa Inggeris sedia diterima oleh semua penduduk sebagai bahasa pengantar.¹⁴ Jawatankuasa juga menekankan walaupun bahasa Inggeris adalah bahasa yang dapat diterima oleh semua kaum; bahasa Melayu juga penting sebagai bahasa ibunda orang Melayu, dan sebagai bahasa kedua bagi kaum lain untuk tujuan kerakyatan. Oleh itu, Jawatankuasa mencadangkan pendidikan peringkat sekolah rendah secara percuma diadakan dalam dua jenis sekolah, iaitu sekolah yang menggunakan bahasa pengantar Inggeris dengan bahasa Melayu sebagai satu subjek wajib dan sekolah Melayu dengan bahasa Inggeris sebagai satu subjek wajib. Sekolah ini dibuka kepada kanak-kanak daripada semua bangsa yang dilahirkan di negara ini. Di samping itu, kedua-dua jenis sekolah ini turut menyediakan kemudahan untuk belajar bahasa Cina dan Tamil.¹⁵ Selepas itu, kerajaan mendapatkan soal pendidikan perlu dikaji dengan lebih lanjut dan secara berhati-hati kerana terdapat pelbagai jenis aliran persekolahan yang berlainan mengikut kaum (sekolah vernakular).

Selaras itu, berikutnya, sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh L.J. Barnes dibentuk oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Henry Gurney pada Ogos 1950. Jawatankuasa ditugaskan untuk mengkaji sistem pendidikan vernakular Melayu dan kemudahan pendidikan untuk orang Melayu. Jawatankuasa ini dianggotai oleh sembilan orang Melayu dan lima

- 12 Education in The Federation of Malaya, A Working Paper For The Report of The Mission to Malaya, July 1954, CO1030/52, Appendix A, Educational Development, Federation of Malaya. Lihat juga *Federation of Malaya Annual Report 1949*, Kuala Lumpur: Government Press, 1950, hlm. 84. Rujuk juga *Malayan Bulletin*, Vol. 4, No. 43, 25th July 1950, CO717/205, Association of British Malaya Monthly Bulletin; Report of The Central Committee on Education (Council Paper No. 29 of 1950), CO717/190, Education.
- 13 Central Advisory Committee on Education, CO717/190, Education. Lihat juga Appendix ‘A’-Scheme For Aid to Chinese Schools in Resettlement Areas, Pejabat Daerah Mersing, D.O.MG. 162/1952, New Village Schools.
- 14 *Malayan Bulletin*, Vol. 4, No. 43, 25th July 1950, CO717/205, Association of British Malaya Monthly Bulletin. Lihat juga Appendix ‘A’-Scheme For Aid to Chinese Schools in Resettlement Areas, Pejabat Daerah Mersing, D.O.MG. 162/1952, New Village Schools.
- 15 Report of The Central Advisory Committee on Education (Council Paper No. 29 of 1950), CO717/190, Education; *Malayan Bulletin*, Vol. 4, No. 43, 25th July 1950, CO717/205, Association of British Malaya Monthly Bulletin. Lihat juga Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*, hlm. 48-49; Heng Pek Koon, *The Chinese Politics in Malaysia: A History of The Malaysian Chinese Association*, Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm. 192.

ahli bangsa Eropah. Ahli Jawatankuasa Barnes termasuklah L.J. Barnes, Tunku Ya'acob ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Mahmood Mahyidden, Dr. Mustapha bin Osman, L.I. Lewis, L.D. Whitfield, E.M.F. Payne, N.B. MacDonald, Tom bt. Dato Abdul Razak, Aminuddin Baki, Zainal Abidin bin Sultan Mydin, Tuan Syed Esa bin Alwee, Tuan Syed Nasir bin Ismail dan Mohamed Nor bin Sulaiman. Tiada seorang pun wakil daripada kaum Cina atau India di dalam jawatankuasa ini.¹⁶ Setelah penelitian dilakukan terhadap keadaan pendidikan orang Melayu, Jawatankuasa Barnes akhirnya menerbitkan laporan mereka yang dikenali sebagai Laporan Barnes.

Secara umumnya, Laporan Barnes mengajukan pembasmian sekolah vernakular. Sebaliknya, Jawatankuasa mencadangkan penubuhan sekolah kebangsaan peringkat sekolah rendah secara percuma kepada kanak-kanak yang berumur umur enam hingga 12 tahun. Sekolah kebangsaan ini bertujuan melahirkan kanak-kanak yang boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Jawatankuasa Barnes mengharapkan kewujudan sekolah kebangsaan dapat melahirkan pelajar yang mampu bertutur dalam dua bahasa, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Dengan itu, kanak-kanak dari semua bangsa boleh memperoleh pendidikan percuma di jenis sekolah yang sama (sekolah kebangsaan) dan seterusnya dapat membentuk satu identiti bangsa yang sama. Laporan Barnes turut mengkehendaki semua pelajar bukan Melayu mengambil inisiatif untuk mempelajari kedua-dua bahasa dengan baik dan penuh komitmen sebagai tanda kesetiaan mereka kepada Tanah Melayu serta bagi menghapuskan perasaan perkauman dalam diri kaum masing-masing.¹⁷

Di sebalik perkembangan itu, secara tidak langsung dapat dilihat nasib dan kedudukan bahasa Melayu serta pendidikan Melayu di Tanah Melayu di bawah pentadbiran British nampaknya menjadi lebih cerah sedikit apabila kerajaan membentuk Jawatankuasa Barnes. Dalam Laporan Barnes yang dihasilkan pula dapat dilihat ia telah mengakui pentingnya bahasa Melayu dalam pembinaan sistem pendidikan yang bersifat kebangsaan, di samping British ingin terus mempertahankan kedudukan bahasa Inggeris dalam pendidikan di negeri-negeri Melayu. Dari situ juga boleh dikatakan Laporan Barnes membayangkan matlamat kerajaan British dalam menggalakkan proses Malayanisasi dalam sistem pendidikan kaum bukan Melayu, iaitu pendidikan Cina dan India di Tanah Melayu. Perubahan sistem pendidikan ini kemudian telah membangkitkan bantahan dan rasa tidak puas hati daripada kaum bukan Melayu yang akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya dalam artikel ini.

Berdasarkan perbincangan di atas, boleh dikatakan Laporan Barnes adalah satu usaha kerajaan ke arah memupuk perpaduan kaum melalui pendidikan satu aliran di sekolah kebangsaan tetapi hanya terbatas di peringkat sekolah rendah. Sehubungan dengan ini, Laporan Barnes mengesyorkan satu corak pendidikan yang dapat mencipta satu rupa bangsa yang bercorak Tanah Melayu dan berdasarkan percampuran kaum. Jawatankuasa merasakan bahawa dengan mengadakan sekolah kebangsaan di mana semua kanak-kanak diajar dalam

16 Committee on Malay Education, Mr. Leonard Barnes Appointed Chairman, CO717/190, Education; Inward Telegram, 7 August 1950, CO717/190, Education. Lihat juga Report of The Committee on Malay Education Federation of Malaya, Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm. iii.

17 *Malayan Bulletin*, Vol. 5, No. 55, 25th July 1951, CO717/205, Association of British Malaya Monthly Bulletin. Rujuk juga *Malayan Mirror*, Vol. 1, No. 2, 28 June 1953, hlm. 10. Lihat juga Report of The Proceedings of The Legislative Council, Kuala Lumpur, Thursday, 20th September 1951, at 10 a.m., *Proceedings of The Legislative Council of The Federation of Malaya For The Period (Fourth Session) February 1951 to February 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hlm. 263.

bahasa Melayu dan Inggeris, integrasi antara kaum di Tanah Melayu dapat diwujudkan. Mereka berpendapat bahawa sekolah pelbagai bahasa pengantar adalah berlawanan dengan cita-cita integrasi dan perpaduan nasional. Dalam kata lain, Jawatankuasa Barnes mencadangkan supaya semua sekolah yang wujud ditukar beransur-ansur kepada sekolah kebangsaan. Dengan itu, sekolah Cina dan India dapat dihapuskan memandangkan aktiviti sekolah Cina, khasnya semakin cenderung ke arah gerakan subversif. Dengan itu, Laporan Barnes mengesyorkan sekolah vernakular seharusnya digantikan dengan sekolah rendah kebangsaan untuk semua kaum, iaitu sekolah kebangsaan yang menggunakan dwibahasa, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.¹⁸

Selaras itu juga, Jawatankuasa Barnes mencadangkan bantuan kewangan Negeri dan Pusat kepada sekolah Cina dan India dihapuskan untuk melemahkan dan menamatkan sistem persekolahan bersifat perkauman, sebaliknya segala perhatian serta bantuan kerajaan harus diberi keutamaan kepada sekolah kebangsaan.¹⁹ Dengan itu, menurut Jawatankuasa Barnes, kewujudan sekolah kebangsaan dapat melahirkan struktur baharu dalam pendidikan di Tanah Melayu yang tidak bersifat perkauman. Bagaimanapun, syor untuk menghapuskan bantuan kewangan kerajaan kepada sekolah vernakular ditentang oleh kaum bukan Melayu. Bantahan orang India, contohnya, dapat dilihat melalui surat daripada *Malayan Indian Congress* (MIC) cawangan Seberang Perai bertarikh 24 Ogos 1951 kepada Pesuruhjaya Residen British di Pulau Pinang:

...this meeting (15th August 1951) of Indians of Prai unanimously reject the proposals stated in the Barnes Report on Malays Education to discourage or withdraw Government Aid to Vernacular Schools.²⁰

Laporan Barnes mendapat kritikan daripada H.R. Cheeseman, bekas Pengarah Pendidikan Persekutuan Tanah Melayu. Beliau mengatakan bahawa cadangan Jawatankuasa Barnes mengenai penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah merupakan beban kepada 477,000 kanak-kanak di negara ini. Ini kerana 477,000 kanak-kanak yang tidak menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di rumah, diminta belajar kedua-dua jenis bahasa secara serentak sebagai syarat untuk memasuki sekolah.²¹ Dalam siri artikel beliau yang diterbitkan dalam akhbar *The Straits Times* pada 4, 5 dan 6 September 1951, Cheeseman mengecam Laporan dan cadangan Jawatankuasa Barnes sebagai *educationally unsound*.²² Selain itu, Cheeseman mengaitkan hal pendidikan

-
- 18 Federation of Malaya Central Advisory Committee on Education, *Report on The Barnes Report on Malay Education and The Fenn-Wu Report on Chinese Education*, 10th September 1951, Kuala Lumpur: Government Press, hlm. 3-6.
 - 19 Summary of Recommendations and Suggestions, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/Edu/759/51, Report of The Barnes Committee on Malay Education; Federation of Malaya Central Advisory Committee on Education, *Report on The Barnes on Malay Education and The Fenn-Wu Report on Chinese Education*, 10th September 1951, Kuala Lumpur: Government Press, hlm. 4.
 - 20 MIC (Prai Branch) to The Resident Commissioner, Penang, 24 August 1951, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/SOC/1224/51, Resolutions From Local Indian Congress:- (1) Reject Proposals in The Barnes Report on Malay Education. (2) Request Introduction of Elections For Rural and Town Boards.
 - 21 *The Straits Times*, 4 September 1951, hlm. 6.
 - 22 SP.3/B/75, Memorandum on Chinese Education in The Federation of Malaya, hlm. 8; *Malayan Mirror*; Vol. 1, No. 2, 28 June 1953, hlm. 10.

orang Melayu dengan keadaan ekonomi mereka di Tanah Melayu. Beliau menyalahkan kemunduran ekonomi yang menyebabkan orang Melayu tidak mampu mengembangkan pendidikan dan tidak mampu mengikuti pelajaran di sekolah Inggeris. Dalam hal ini, beliau menyatakan Jawatankuasa Barnes telah mengabaikan kelemahan asas orang Melayu, iaitu ekonomi dan bukan soal pendidikan.²³ Di sini dapat dilihat Cheeseman menyeru pihak kerajaan mengutamakan soal kemunduran ekonomi orang Melayu yang merupakan perkara utama yang perlu diselesaikan terlebih dahulu oleh pihak pentadbiran.

Reaksi Penduduk Terhadap Laporan Barnes dan Implikasi Terhadap Pembangunan Dasar Pendidikan

Laporan Barnes menimbulkan tentangan dan kesangsian orang bukan Melayu, terutamanya masyarakat Cina kerana mereka tidak dilibatkan secara langsung atau tidak langsung dalam Jawatankuasa. Yang paling membimbangkan orang Cina ialah saranan Jawatankuasa Barnes itu boleh menggugat pelajaran, bahasa dan budaya kaum Cina. Bagi orang Cina di Tanah Melayu, soal pendidikan secara intinya adalah soal budaya. Mereka menganggap bahawa penghapusan sekolah Cina adalah sama dengan menindas budaya Cina.²⁴ Dengan itu, orang Cina berasa hampa dengan Laporan Barnes kerana pendidikan Cina gagal dilindungi oleh kerajaan. Pada pendapat mereka, Laporan Barnes adalah tidak adil kerana ia hanya mementingkan persekolahan Melayu sahaja sedangkan sekolah dan budaya orang Cina tidak ditekankan. Orang Cina juga berpendapat Laporan Barnes sebagai satu ancaman terhadap pencapaian pendidikan Cina yang selama ini bergantung kepada usaha mereka sendiri. Berikutnya, dapat dilihat masyarakat Cina di negeri-negeri Melayu telah menyampaikan pandangan dan bantahan mereka tentang Laporan Barnes kepada pihak berkuasa. Antaranya, mesyuarat diadakan oleh wakil orang Cina di Perak pada 8 Julai 1951 dan mereka sebulat suara membantah Laporan Barnes. Mereka beranggapan penghapusan sekolah vernakular bermakna memusnahkan budaya kaum. Mereka juga berpendapat orang Cina yang tidak tahu berbahasa Cina adalah satu perkara yang memalukan.²⁵ Selain itu, pada Ogos 1951, institusi pendidikan Cina di Perak turut membantah langkah kerajaan Persekutuan menerima Laporan Barnes. Antara alasan mereka ialah kerajaan menjalankan usaha untuk menghapuskan sekolah vernakular bukan Melayu bukanlah langkah yang wajar kerana bahasa bukan unsur penting bagi mengukur kesetiaan sesuatu bangsa kepada negara.²⁶ Dalam pada itu, akhbar *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 11 Jun 1951, menyamai penghapusan bahasa dengan penghapusan semangat kaum kerana akhbar ini manganggap budaya dan bahasa berkait rapat antara satu sama lain. Akhbar ini seterusnya menyatakan bahawa segala percubaan pihak kerajaan bagi menghapuskan bahasa sesuatu kaum adalah merbahaya kerana tindakan itu akan membangkitkan permusuhan antara kaum.²⁷ Keadaan itu akan memberi kesempatan kepada pihak yang tidak bertanggungjawab untuk bertindak dan menghuru-harakan masyarakat.

23 *The China Press*, 6 September 1951, hlm. 3.

24 *The China Press*, 21 August 1952, hlm. 1; Paul Chang Ming Phang, *Educational Development in a Plural Society*, hlm. 43.

25 *Sing Pin Jih Pao*, 9 July 1951, hlm. 6.

26 *The Straits Times*, 18 August 1951, CO717/190, Education, Barnes Report.

27 *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 11 June 1951, hlm. 1.

Sementara itu, orang Cina di Johor turut mengambil berat terhadap cadangan dalam Jawatankuasa Barnes. Selaras itu, satu perjumpaan diadakan oleh MCA, Johor Bahru, Johor pada 4 Ogos 1951, di antara pengetua dan ahli jawatankuasa sekolah Cina untuk membincangkan Laporan Barnes. Mereka menolak pendapat bahawa penubuhan sekolah kebangsaan akan menghapuskan budaya Cina. Namun demikian, mereka berpendapat bagi membentuk satu bangsa Tanah Melayu yang bersatu, tidak perlu bergantung kepada bahasa pengantar dan sebaliknya adalah bergantung kepada kesefahaman serta kerjasama antara pelbagai kaum. Mereka juga berpandangan penyatuan hanya dapat dicapai sekiranya penduduk di Tanah Melayu dapat saling menghormati budaya mereka antara satu sama lain.²⁸ Selain itu, pada 23 Ogos 1951, satu perjumpaan antara guru sekolah Cina dari seluruh Tanah Melayu diadakan di Selangor. Dalam perjumpaan itu, mereka menyatakan bantahan terhadap penghapusan sekolah vernakular dan berpendapat pendidikan Cina harus menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan di Tanah Melayu.²⁹ Wakil-wakil Pertubuhan Cina dan Sekolah Cina di Kedah juga menyatakan bantahan mereka terhadap Laporan Barnes. Antaranya, mereka menyatakan penghapusan sekolah vernakular sebagaimana yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Barnes adalah satu penghinaan terhadap sesuatu bangsa. Penubuhan sekolah kebangsaan pula dilihat sebagai cara untuk menyembunyikan budaya bangsa lain dan dikaitkan juga dengan motif politik pihak penjajah. Mereka turut mempersoalkan, adakah budaya barat dapat menggantikan budaya timur? dan adakah budaya barat juga mempunyai sejarah yang begitu lama berbanding dengan budaya timur?³⁰ Dalam hal ini dapat dilihat orang Cina di Kedah umumnya melihat soal pendidikan adalah berkait rapat dengan soal budaya dan mereka berusaha memelihara budaya timur daripada diketepikan oleh pentadbiran British di Tanah Melayu. Begitu juga dalam memorandum yang disediakan oleh Dewan Perniagaan Cina di Pulau Pinang turut ditegaskan bahawa Laporan Barnes tidak diterima oleh orang Cina. Dalam memorandum itu dinyatakan orang Cina membantah Laporan Barnes kerana ia bukan sahaja tiada peruntukan untuk mengajar bahasa Cina di sekolah kebangsaan tetapi juga mencadangkan penghapusan sekolah vernakular Cina.³¹ Dengan itu, melalui memorandum itu jelas bahawa demi masa depan anak-anak kaumnya, mereka ingin mempertahankan pendidikan dan bahasa Cina daripada pupus dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu.

Secara umumnya, sebab utama Laporan Barnes mendapat kritikan daripada orang bukan Melayu, terutamanya orang Cina adalah kerana mereka khawatir bahasa dan budaya mereka akan dihapuskan. Di samping itu, orang Cina juga menganggap Laporan Barnes sebagai satu percubaan untuk me'Malayan'kan sistem pendidikan Cina. Ini merujuk kepada pengajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama di sekolah. Perkara ini juga dilihat sebagai tindakan kerajaan untuk menghapuskan cara hidup dan budaya orang Cina serta orang India di negara ini.³² Sebaliknya, masyarakat Cina berpendapat bahasa bukan isu utama dalam menyatukan penduduk Tanah Melayu, sebaliknya dicadangkan

28 "History of Chinese Education in Johore", Kementerian Pelajaran Malaysia, D. of E. (F. of M.) No. 69/1951, History of Chinese Vernacular Education in Malaya.

29 *The China Press*, 23 August 1951, hlm. 3; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 25 August 1951, hlm. 5.

30 *Nanyang Siang Pau*, 28 August 1951, hlm. 7.

31 *The Malay Mail*, 3 September 1951, hlm. 5; 14 September 1951, hlm. 7.

32 Extract From Federation of Malaya Political Report For February 1951, CO717/190, Education, Chinese Schools. Lihat juga *The China Press*, 21 August 1952, hlm. 1.

penyatuan antara kaum dapat dilakukan melalui penggunaan buku teks dan kurikulum yang berorientasikan Tanah Melayu. Dalam hal ini, *Malayan Chinese Association* (MCA) yang mewakili masyarakat Cina di Tanah Melayu telah mencadangkan:

Unity of hearts and minds in Malaya, we suggest, can best be achieved through Malayan reorientation of text books and curriculum common to all schools in Malaya, whatever their language-medium of instruction.³³

Usul MCA tersebut dialu-alukan oleh pihak sekolah Cina di Tanah Melayu. Mereka bersedia untuk menyesuaikan buku teks sekolah Cina dengan buku teks yang berlatar belakangkan keadaan dan perkembangan di Tanah Melayu.³⁴ Ini menunjukkan orang Cina bersedia mengubah kandungan buku teks dan kurikulum di sekolah Cina tetapi bukannya bahasa pengantar.

Pada masa yang sama, orang India juga menghantar memorandum untuk menunjukkan ketidaksetujuan mereka tentang cadangan dalam Laporan Barnes. Sebagaimana orang Cina, mereka juga ingin mempertahankan bahasa dan budaya kaumnya daripada pupus di Tanah Melayu. Reaksi orang India dapat dilihat melalui perhimpunan yang melibatkan wakil dari lebih 20 pertubuhan dan kesatuan sekerja India Perak di Persatuan India Selatan Perak di Teluk Intan, Perak, pada hari Ahad, 1 Julai 1951. Dalam perhimpunan itu, mereka mencapai resolusi berikut:

- (a) *That the Indian Community regrets to note that Barnes Report recommends the abolition of Vernacular Schools. We want education in our mother tongue, the Indian Language, to be continued with the support of the Government as hitherto.*
- (b) *While we do not wish to interfere with the plans of Government and are not opposed to the National Schools as such for Malay Children, we strongly feel that Indian children should receive their primary education in their mother tongue before they are taught any other language.³⁵*

Dalam memorandum yang mengandungi resolusi berkenaan, mereka meminta agar Pesuruhjaya Tinggi British Persekutuan Tanah Melayu supaya mempertimbangkan usaha komuniti India di Tanah Melayu dalam perjuangan memelihara bahasa dan warisan budaya mereka. Pada masa yang sama, orang India berjuang supaya anak-anak mereka dapat memperoleh pendidikan awal dalam bahasa ibunda.³⁶ Dalam keadaan ini adalah jelas bahawa orang India di Tanah Melayu pada ketika itu juga ingin mempertahankan bahasa dan budaya kaumnya sebagaimana yang ditunjukkan oleh orang Cina.

33 SP. 3/B/75, Memorandum on Chinese Education in The Federation of Malaya, hlm. 15-16.

34 Ibid., hlm. 18.

35 Memorandum From The Representatives of The Indian Community, C/O. Indian Association, Teluk Anson, to The High Commissioner, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, 6 July 1951, Kementerian Pelajaran Malaysia, D. of E. (F. of M.) No. 470/1951, Committee on Indian Education.

36 Ibid.

Dalam hal ini, akhbar *Kin Kwok Daily News*, bertarikh 10 Julai 1951, menerangkan bahawa penentangan orang Cina dan India terhadap Laporan Barnes bukan bertujuan menentang penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam pengajaran di sekolah, tetapi mereka cuma tidak setuju dengan pengenalan penggunaan dua bahasa itu kepada kanak-kanak bukan Melayu pada peringkat awal persekolahan mereka.³⁷ Sementara itu, E.E.C. Thuraisingham selaku Menteri Pendidikan Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu, menekankan bahawa Laporan Barnes bertujuan melaksanakan pendidikan percuma untuk dinikmati oleh kanak-kanak dari semua bangsa dan beliau menafikan ia adalah untuk menghapuskan pendidikan vernakular.³⁸ Dalam hal ini, L.I. Lewis, Penolong Pengarah Pendidikan Cina cuba menafikan sangkaan orang Cina terhadap kemungkinan budaya mereka akan terhapus ekoran daripada Laporan Barnes.³⁹ Kedua-dua pemimpin ini nampaknya cuba menenangkan dan mengurangkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat kaum bukan Melayu terhadap rancangan pendidikan yang diperkenalkan oleh pihak British itu. Ini memandangkan apabila Laporan Barnes diterbitkan, kaum bukan Melayu rata-rata menyatakan kebimbangan mereka tentang kemungkinan cadangan itu akan menjelaskan kedudukan sekolah, bahasa dan budaya mereka.

Dalam perkembangan lain, parti politik Melayu, *United Malays National Organisation* (UMNO) pula menyatakan sokongan terhadap Laporan Barnes dan mendesak kerajaan supaya mengadakan sekolah kebangsaan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Barnes dengan secepat mungkin.⁴⁰ Sementara itu, Laporan Barnes disambut baik oleh Persekutuan Persatuan-Persatuan Pelajar Melayu (*Federation of Malay Students Unions*), terutamanya berkenaan dengan sekolah kebangsaan yang dicadangkan untuk Tanah Melayu.⁴¹ Ini kerana sekolah jenis ini adalah sesuai untuk Tanah Melayu yang mempunyai penduduk yang berbilang kaum. Justeru itu, secara umumnya orang Melayu menerima Laporan Barnes dengan baiknya.

Sementara itu, Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu, Sir Henry Gurney menekankan keperluan dalam membentuk sekolah kebangsaan di Tanah Melayu yang mana kanak-kanak daripada semua bangsa dapat belajar bersama-sama di sekolah yang sama. Secara umum, beliau juga bersetuju bahawa sekolah jenis ini membentuk benteng pertahanan yang kukuh dalam menyatukan penduduk dan seterusnya melawan komunis yang cuba mencari peluang untuk menghuru-harakan masyarakat di Tanah Melayu.⁴²

Walau bagaimanapun, jika soal pendidikan ini tidak mendapat satu penyelesaian yang baik, ia mampu mengganggu hubungan antara kaum di Tanah Melayu. Disebabkan reaksi tidak begitu begitu menyenangkan yang ditunjukkan oleh masyarakat bukan Melayu terhadap Laporan Barnes, kerajaan akhirnya meneruskan usaha meneliti keadaan pendidikan di Tanah Melayu. Oleh kerana bantahan orang Cina terhadap Laporan Barnes, Pesuruhjaya Tinggi British Sir Henry Gurney membentuk Jawatankuasa Fenn-Wu untuk

37 *Kin Kwok Daily News*, 10 July 1951, hlm. 3.

38 *The China Press*, 2 July 1951, hlm. 4.

39 "They are no grounds for fear that by giving the Malayan outlook in Chinese text books Chinese culture will be lost." *The Straits Times*, 25 April 1952, hlm. 10.

40 *The Straits Times*, 27 August 1951, hlm. 4.

41 *The Straits Times*, 2 November 1951, hlm. 4.

42 A.J. Stockwell (ed.), *Malaya Part III: The Alliance Route to Independence 1953-1957*, London: HMSO, hlm. 172.

mengkaji pendidikan Cina di Tanah Melayu. Jawatankuasa dipengerusikan bersama oleh Dr. William P. Fenn, seorang ahli Lembaga Amanah Sekolah Tinggi China dan Dr. Wu Teh-yao, seorang pakar pendidikan dari pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.⁴³ Antara tugas utama Jawatankuasa ini adalah untuk meneliti cara bagi menyesuaikan sistem persekolahan yang bercorak perkauman dengan sistem persekolahan bercorak kebangsaan. Dengan itu, seterusnya ia dapat mencapai matlamat untuk merapatkan jurang perbezaan di antara pendidikan yang bercorak perkauman dengan pendidikan yang bercorak perpaduan dengan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Jawatankuasa ini juga ditugaskan untuk memberi nasihat tentang penyeliaan buku teks yang berlatarbelakangkan kehidupan di Tanah Melayu sebagai satu cara untuk mengasimilasikan orang Cina ke dalam masyarakat Tanah Melayu.⁴⁴

Keperluan Jawatankuasa Fenn-Wu untuk mengkaji pendidikan Cina timbul kerana keadaan darurat di Tanah Melayu telah menyebabkan kerajaan memberi perhatian dan berusaha mencari penyelesaian ke atas masalah di sekolah Cina. Sekiranya keinginan penduduk Cina tidak dipertimbangkan, maka adalah sukar untuk mendapat sokongan dan keyakinan mereka dalam usaha kerajaan menangani masalah komunis di Tanah Melayu. Dalam keadaan itu, kehendak orang Cina perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan termasuklah soal pendidikan yang dikaitkan dengan hidup atau matinya bahasa dan budaya kaumnya.

Laporan Fenn-Wu secara tidak langsung mempertahankan kedudukan sekolah Cina di Tanah Melayu. Laporan ini menunjukkan simpati terhadap nasib pendidikan vernakular Cina. Selain itu, ia berusaha menunjukkan sekolah vernakular boleh memberi sumbangan berkesan ke arah pembentukan penduduk Tanah Melayu yang bersatu padu dan menggalakkan kesedaran nasional. Laporan ini turut mengkritik keadaan sekolah Cina yang kekurangan kelengkapan dan guru terlatih. Seterusnya, Jawatankuasa Fenn-Wu mendesak sekolah Cina diteruskan dan diberi bimbingan serta bantuan kewangan berdasarkan objektif pendidikan dan bukan tujuan politik.⁴⁵ Dr. Fenn dan Dr. Wu menegaskan bahawa sekiranya bahasa Melayu diakui sebagai bahasa rasmi dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, maka bahasa Cina tidak harus diabaikan. Begitu juga, mereka menyatakan orang Cina di Tanah Melayu bersedia menerima tiga bahasa dan mereka harus digalakkan berbuat demikian. Dengan demikian, menurut Dr. Fenn dan Dr. Wu, sekolah Cina dapat disatukan dalam sistem pendidikan kebangsaan dan tidak akan dihapuskan. Jawatankuasa turut menegaskan bahawa oleh sebab bahasa Cina adalah salah satu bahasa yang tertua di dunia; keindahan dan kekayaannya tidak dapat dipersoalkan, maka pendidikan Cina patut

-
- 43 Report of The Proceedings of The Legislative Council, Kuala Lumpur, Wednesday, 21st November 1951, *Proceedings of The Legislative Council of The Federation of Malaya For The Period (Fourth Session) February 1951 To February 1952*, hlm. 350. Rujuk juga Education in The Federation of Malaya, A Working Paper For The Report of The Mission to Malaya, July 1954, CO1030/52, Appendix A, Educational Development, Federation of Malaya.
- 44 *Chinese Schools and The Education of Chinese Malayans: The Report of A Mission Invited By The Federation Government to Study The Problem of The Education of Chinese in Malaya, June 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm. 2. Lihat juga Francis Wong Hoy Kee & Ee Tiang Hong, *Education in Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1971, hlm. 53-54; Francis Wong Hoy Kee and Gwee Yee Hean, *Perspectives: The Development of Education in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1972, hlm. 24.
- 45 *Malayan Bulletin*, Vol. 5, No. 56, 25th August 1951, CO717/205, Association of British Malaya Monthly Bulletin.

diteruskan seiring dengan pendidikan dalam bahasa lain.⁴⁶ Dengan itu, nasib bahasa dan pendidikan Cina di Tanah Melayu nampaknya semakin cerah di bawah Jawatankuasa Fenn-Wu kerana Jawatankuasa secara langsung telah mengakui kepentingan bahasa Cina dan juga keperluan peenerusan pengajaran bahasa Cina.

Walaupun Jawatankuasa Fenn-Wu mengecam pernyata sekolah kebangsaan yang berbentuk dwibahasa, tetapi Jawatankuasa turut menolak penekanan yang berlebihan dalam memelihara ciri-ciri keCinaan di sekolah Cina. Laporan Fenn-Wu menasihatkan orang Cina supaya jangan terlalu menitikberatkan unsur keCinaan di sekolah Cina, sambil menjelaskan bahawa tidak ada faedah memelihara bentuk, cara dan isi pendidikan Cina yang sedia ada. Laporan ini mencadangkan bahawa politik asing dalam apa-apa bentuk pun harus dihapuskan dari sekolah Cina. Sementara itu, buku teks yang diperkenalkan hendaklah bersesuaian untuk kegunaan di Tanah Melayu.⁴⁷ Pendek kata, Laporan Fenn-Wu yang mencadangkan pengekalan sekolah vernakular Cina, turut mencadangkan perubahan dalam pendidikan di sekolah Cina. Umumnya, Laporan Fenn-Wu diterima baik oleh masyarakat Cina yang ingin melihat penerusan sekolah dan pendidikan Cina di Tanah Melayu. Bagaimanapun, ini tidaklah dapat menyelesaikan persoalan pokok dalam pendidikan di Tanah Melayu, iaitu kedudukan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar dalam proses pendidikan serta peranan masaing-masing dalam pembinaan bangsa. Di satu pihak, pengekalan sekolah Cina dilihat sebagai satu halangan kepada pembentukan identiti kebangsaan. Di pihak yang lain, penghapusan sekolah Cina pula dilihat membawa kepada “penindasan” dan “kepupusan” budaya Cina yang melambangkan identiti atas orang Cina. Begitu juga, bantahan orang India terhadap Laporan Barnes adalah untuk memelihara bahasa dan budaya mereka di Tanah Melayu. Dengan itu, usaha diteruskan oleh pihak kerajaan untuk mencari satu penyelesaian bagi mengurangkan pertikaian dalam soal pendidikan ini.

Sementara itu, pihak kerajaan tidak bercadang untuk menyediakan laporan mengenai pendidikan orang India sebagaimana Laporan Barnes untuk pendidikan Melayu dan Laporan Fenn-Wu bagi pendidikan Cina. Ini kerana kerajaan mendapati tiada masalah khusus yang wujud dalam pendidikan kaum India. Bagaimanapun, kerajaan menyatakan wakil India akan dipilih dalam proses membuat dasar pendidikan untuk Tanah Melayu.⁴⁸ Namun demikian, kaum India melantik satu jawatankuasa yang mengandungi 24 ahli, untuk memberi cadangan terhadap keadaan pendidikan mereka di Tanah Melayu agar kaum India berpeluang mendapat pendidikan yang setaraf dengan kaum lain. Jawatankuasa dibentuk dengan K.L. Devaser sebagai pengurus dan V.J. Somasundram sebagai setiausaha.⁴⁹

46 Ibid. Lihat juga *Chinese Schools and The Education of Chinese Malayans: The Report of A Mission Invited by The Federation Government to Study The Problem of The Education of Chinese in Malaya*, June 1951, hlm. 6.

47 *Chinese Schools and The Education of Chinese Malayans: The Report of A Mission Invited by The Federation Government to Study The Problem of The Education of Chinese in Malaya*, June 1951, hlm. 13. Lihat juga *Malayan Bulletin*, Vol. 5, No. 57, 25th September 1951, CO717/205, Association of British Malaya Monthly Bulletin.

48 D. INF. 1/51/39, Federation of Malaya Weekly News Summary, The Department of Information, Federation of Malaya, Kuala Lumpur, 21st September 1951, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PR/107/51, Federation of Malaya Daily Press Summary–Vernacular Papers (1951).

49 *Memorandum on Indian Education in The Federation of Malaya*, Kuala Lumpur: The Malayan Printers, 1951, hlm. 6. Lihat juga Memorandum on Indian Education in The Federation of Malaya by The Indian Education Committee (Under The Auspices of The Malayan Indian Congress), Kementerian Pelajaran Malaysia, D.of E. No. 470/1951, Committee on Indian Education.

Jawatankuasa Pendidikan India dibentuk dalam satu mesyuarat antara pelbagai institusi pendidikan dan budaya India yang diadakan di bawah naungan MIC di Kuala Lumpur pada 30 Jun 1951. Jawatankuasa berpendapat kerajaan juga harus melantik sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pendidikan India sebagaimana pendidikan Melayu dan Cina. Tambahan pula, kaum India membentuk kumpulan ketiga besar dalam kalangan penduduk Tanah Melayu. Oleh itu, keperluan pendidikan untuk golongan ini tidak patut diabaikan dan semua dasar pendidikan harus juga merangkumi kepentingan kaum India.⁵⁰ Jawatankuasa ini menegaskan bahawa pendidikan asas harus dijalankan dalam bahasa ibunda, tetapi Jawatankuasa Barnes telah menafikan kepentingan ini kepada kaum bukan Melayu. Jawatankuasa memetik statistik penduduk Tanah Melayu pada 31 Disember 1950 yang menunjukkan orang Melayu di Persekutuan Tanah Melayu berjumlah 2,612,777 orang; orang Cina 2,034,986 orang; orang India 601,056 orang dan lain-lain 53,891 orang. Memandangkan jumlah penduduk bukan Melayu yang ramai, Jawatankuasa Pendidikan India menyatakan bahasa ibunda mereka harus dimasukkan dalam kurikulum pendidikan.⁵¹ Jawatankuasa Pendidikan India juga menganggap Laporan Barnes hanya menyebelahi satu pihak sahaja dan adalah tidak adil bagi penduduk bukan Melayu. Dalam hal ini, Jawatankuasa mengambil contoh dari Perenggan 17, Bahagian IV, Laporan Barnes yang menyatakan:

When all this has been said the fact remains that Chinese and Indians are asked to give up gradually their own Vernacular Schools and to send their children, not indeed to Malay Schools in the present meaning of the term but schools where Malay is the only Oriental Language taught.⁵²

Jawatankuasa juga menyatakan sekolah kebangsaan bukanlah bersifat kebangsaan dalam erti kata yang sebenarnya, tetapi adalah sekolah kebangsaan Melayu yang mana kanak-kanak bukan Melayu tidak dapat belajar bahasa lain kecuali bahasa Melayu. Sebaliknya, bagi Jawatankuasa ini, sekolah kebangsaan yang sebenarnya harus menyediakan pendidikan rendah dalam bahasa Melayu, Cina dan India. Jawatankuasa turut menjelaskan budaya dan nasionalisme Tanah Melayu yang akan dibentuk di Tanah Melayu dan bukan budaya dan nasionalisme Melayu. Oleh itu, kepentingan kaum bukan Melayu harus diambil kira. Selain itu, Jawatankuasa juga bersetuju buku teks harus berdasarkan latar belakang Tanah Melayu dan memperkenalkan aspek budaya Asia dan dunia. Jawatankuasa mencadangkan supaya sebuah jawatankuasa khas dilantik untuk meneliti soal buku teks.⁵³ Pendek kata, Jawatankuasa menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara ini, tetapi risau bahawa kanak-kanak bukan Melayu terganggu dalam memperbelajari bahasa dan budaya

-
- 50 *Memorandum on Indian Education in The Federation of Malaya*, hlm. 1-2; *Memorandum on Indian Education in The Federation of Malaya By The Indian Education Committee (Under The Auspices of The Malayan Indian Congress)*, Kementerian Pelajaran Malaysia, D.of E. No. 470/1951, Committee on Indian Education.
- 51 *Memorandum on Indian Education in The Federation of Malaya*, hlm. 2. Lihat juga Cynthia H. Enloe, *Multi-Ethnic Politics: The Case of Malaysia*, Berkeley: University of California, August 1970, hlm. 124.
- 52 *Memorandum on Indian Education in The Federation of Malaya*, hlm. 3. Lihat juga *Indian Daily Mail*, 17 September 1951, hlm. 4.
- 53 *Memorandum on Indian Education in The Federation of Malaya*, hlm. 3-4. Lihat juga *Indian Daily Mail*, 17 September 1951, hlm. 4.

kaum mereka sendiri. Jawatankuasa sedia bekerjasama dengan pihak berkuasa dan semua bangsa di Tanah Melayu untuk melahirkan rakyat yang berlatarbelakangkan Tanah Melayu serta setia kepada Tanah Melayu. Secara umumnya, masyarakat India kurang bersetuju dengan Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu kerana kedua-dua laporan ini dianggap tidak sesuai untuk seluruh penduduk Tanah Melayu.

Menjelang kemerdekaan, apabila Perikatan memenangi pilihan raya Persekutuan pertama pada tahun 1955, timbul keperluan untuk mengkaji dengan lebih lanjut masalah pendidikan di Tanah Melayu. Keadaan ini wujud berikutan timbulnya kesedaran bahawa pendidikan adalah penting dalam penyatuan penduduk Tanah Melayu yang berbilang kaum. Ini adalah bagi memastikan agar soal perpaduan kaum tidak menjadi penghalang kepada proses kemerdekaan dan seterusnya menjamin keutuhan sebuah negara Tanah Melayu yang merdeka. Akhirnya, pada tahun 1955, sebuah lagi jawatankuasa ditubuhkan untuk meneliti dasar pendidikan dan merangka satu sistem pendidikan kebangsaan yang dapat diterima oleh semua penduduk di Tanah Melayu.⁵⁴ Jawatankuasa Pelajaran Razak dibentuk pada Mei 1956, terdiri daripada sembilan orang Melayu dan enam orang bukan Melayu yang juga merupakan anggota Majlis Perundangan Persekutuan.⁵⁵ Penyata Razak diluluskan sebulat suara oleh Majlis Perundangan Persekutuan dan dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran atau Dasar Pelajaran 1957. Ordinan Pelajaran ini bertujuan mewujudkan satu sistem pelajaran kebangsaan yang diterima oleh semua penduduk di Tanah Melayu. Ordinan ini juga bermatlamat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara, di samping memelihara pertumbuhan bahasa dan budaya kaum bukan Melayu di negara ini.⁵⁶ Dengan itu, menjelang kemerdekaan Tanah Melayu, negara kita sudah mempunyai satu dasar pendidikan yang jelas dan diterima oleh semua kaum.

- 54 A Brief Report on The Development of Education in The Federation of Malaya For The Year 1956, CO1030/51, Educational Development, Federation of Malaya. Lihat juga *Handbook To Malaya (Federation of Malaya and The Colony of Singapore) and The Emergency*, Singapore: The Department of Information, Federation of Malaya, Public Relations Office, Singapore and The Regional Information Office, July 1956, hlm. 34. Rujuk juga Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, *Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956*, Kuala Lumpur: Caxton Press Ltd., 1957, hlm. 3.
- 55 *Federation of Malaya Annual Report 1956*, Kuala Lumpur: Government Press, 1957, hlm. 232; “Pengumuman Laporan Jawatankuasa Pelajaran Razak”, *Hari Ini Dalam Sejarah*, Jilid VI, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1990, hlm. 81. Nama-nama ahli Jawatankuasa Razak, lihat *Report of The Education Committee 1956*, Kuala Lumpur: Government Press, 1956, hlm. 28. Lihat juga Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*, hlm. 165-166. Rujuk juga Report of The Education Committee 1956, “How It Affects The English School Teacher”, Pejabat Daerah Mersing, D.O.MG. 1/1955, Education Policy, 1955; Federal Government Press Statement D.INF. 9/55/157 (EDUC), CO1030/51, Educational Development, Federation of Malaya.
- 56 “Penyata Pelajaran Razak Diluluskan”, *Hari Ini Dalam Sejarah*, Jilid I, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1980, hlm. 191. Lihat juga Federation of Malaya No. 2 of 1957, The Education Ordinance, 1957, *Federal Ordinances and State and Statement Enactments, Passed During The Year 1957*, Kuala Lumpur: The Government Press, 1959. Rujuk juga Federation of Malaya No. 2 of 1957, The Education Ordinance, 1957, *Supplement to Federation of Malaya Government Gazette*, Vol. X, No. 9, 23rd April 1957, hlm. 553-606.

Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas, jelas telah berlaku perubahan positif dalam aspek pendidikan di Tanah Melayu pasca zaman pendudukan Jepun. Sebelum tahun 1941, tidak wujud sistem pendidikan yang seragam mahupun dasar pendidikan yang jelas di Tanah Melayu. Selepas British kembali menjajah semula Tanah Melayu selepas zaman Jepun, aspek pendidikan di Tanah Melayu mula diberi perhatian dan jawatankuasa dibentuk bagi mengkaji keadaan pendidikan bagi Tanah Melayu. Perubahan politik di Tanah Melayu, masalah politik terutama masalah komunis yang dihadapi dan kepentingan Tanah Melayu kepada British telah mempengaruhi tindakan British untuk mengkaji semula aspek pendidikan di Tanah Melayu selepas perang. Pada masa yang sama, pihak British juga sedar bahawa pendidikan boleh dijadikan alat penting dalam mewujudkan integrasi kaum dan memupuk kesefahaman antara penduduk berbilang kaum. Keadaan ini adalah sangat penting dalam usaha kerajaan menangani ancaman komunis pada ketika itu kerana kerjasama penduduk berbilang kaum dapat membantu menghalahkan gerakan komunis. Dalam perkembangan itu, pihak British juga sedar perlu menjaga kepentingan dan mengambil hati orang Melayu dalam memastikan mereka menyokong dan bekerjasama dengan pentadbiran. Justeru itu, pembangunan pendidikan untuk orang Melayu diberi perhatian dan dikaji semula oleh British. Untuk itu, Jawatankuasa Barnes dibentuk dan Laporan Barnes diterbitkan pada tahun 1950. Namun demikian, cadangan dalam Laporan Barnes telah menimbulkan bantahan daripada kaum bukan Melayu yang melihat Laporan itu boleh menghapuskan pendidikan, bahasa dan budaya mereka. Sebaliknya orang Melayu rata-rata menerima baik Laporan Barnes dan mereka mendesak cadangan yang dikemukakan dalam Laporan itu dapat dilaksanakan segera. Daripada itu dapat dilihat setiap kaum di Tanah Melayu berjuang bersungguh-sungguh untuk mempertahankan pendidikan kaumnya daripada pupus. Dengan itu juga secara tidak langsung mereka mengharapkan bahasa dan budaya kaum masing-masing dapat diteruskan dari satu generasi kepada generasi seterusnya. Pertikaian tentang soal pendidikan dalam kalangan penduduk Melayu dan bukan Melayu masih tidak dapat diselesaikan oleh pihak pentadbiran. Ekoran daripada itu, pihak kerajaan membentuk Jawatankuasa Fenn-Wu untuk meneliti pendidikan Cina memandangkan mereka adalah kunci utama dalam usaha kerajaan menangani ancaman komunis. Namun demikian, Laporan Fenn-Wu yang dihasilkan masih tidak dapat menyelesaikan pertikaian tentang soal kedudukan bahasa dan pendidikan. Pada masa yang sama, kaum India turut membentuk Jawatankuasa Pendidikan India bagi menyampaikan hasrat masyarakat India dalam memelihara penerusan bahasa dan pendidikan mereka di Tanah Melayu. Bagaimanapun, menjelang kemerdekaan, Penyata Razak dikeluarkan dan Dasar Pelajaran 1957 diluluskan sebagai asas dalam pembentukan sistem pendidikan kebangsaan untuk Tanah Melayu. Kewujudan Dasar Pelajaran 1957 boleh dikatakan adalah aatara langkah penting yang diambil oleh kerajaan baharu (Perikatan) bagi menyatukan tiga kaum utama di Tanah Melayu melalui pendidikan.